

**Kerajaan Selangor Timbang Bina Loji Baru Tingkatkan Kapasiti Air Terawat  
Bernama  
1 Ogos, 2012**

SHAH ALAM, 1 Ogos (Bernama) -- Kerajaan negeri Selangor sedang menimbang untuk membina loji baru bersebelahan loji rawatan sedia ada, terutama loji rawatan yang telah beroperasi melebihi kapasiti pengeluaran, bagi meningkatkan penghasilan air terawat di negeri ini.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata pihak berkuasa tempatan juga akan diminta memperbaiki pam-pam air di kolam tadahan di Balakong yang dilaporkan rosak dan hilang bagi mengatasi masalah bekalan air di sekitar kawasan itu.

Menurut Khalid, hasil pemeriksaan yang diketuai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Kajian dan Penyelidikan Ronnie Liu ke loji rawatan, mendapati terdapat pam-pam air di kolam tadahan di Balakong yang diselia Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) sudah hilang ataupun rosak, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini Rabu.

"Kita boleh jadi perbetulkan balik atau ganti pam-pam air itu melalui PBT (pihak berkuasa tempatan) dan bilnya akan kita serahkan kepada Syabas untuk mendapatkan pembayaran," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684884>



